

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN****DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. PUAN SITI ZAILAH BINTI MOHD YUSOFF  
(RANTAU PANJANG)**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**Y.B. PUAN SITI ZAILAH BINTI MOHD YUSOFF [ RANTAU  
PANJANG ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan status terkini  
peruntukan projek tebatan banjir serta projek ERCL di Kelantan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) melibatkan dua fasa iaitu Fasa Pertama dari ITT Gombak ke Tumpat, Kelantan, dan Fasa Kedua dari Gombak ke Pelabuhan Klang yang keseluruhannya merangkumi jarak sejauh 688km. Projek ini dilaksanakan dan diuruskan oleh Syarikat Malaysia Rail Link Sdn Bhd (MRL), sebuah syarikat milik penuh Menteri Kewangan DiPerbadankan (MKD).

Bagi Fasa Pertama, MRL telah berjaya memperoleh kelulusan muktamad Skim Kereta Api dari Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) dan kelulusan laporan Kajian Impak Alam Sekitar (*Environmental Assessment Report*) dari Jabatan Alam Sekitar pada bulan Jun 2017 yang lalu. Sehubungan itu, Majlis Pecah Tanah Projek ECRL telah pun dirasmikan oleh YAB Perdana Menteri di Bandar Baru Kuantan, Pahang pada 9 Ogos 2017 bagi menandakan bahawa projek mega ini bakal memulakan pembinaannya pada tahun ini.

Pada September 2017 yang lalu, pihak MRL telah pun mengemukakan Skim Kereta Api bagi Fasa Kedua kepada pihak SPAD dan bakal menjalankan Sesi Pemeriksaan Awam (*Public Inspection*) bagi Fasa Kedua dalam masa yang terdekat setelah mendapat kelulusan bersyarat. Untuk makluman Ahli yang Berhormat, Sesi Pemeriksaan Awam bagi Fasa Pertama telah pun selesai dijalankan selama 90 hari bermula 8 Mac 2017 sehingga 7 Jun 2017 yang dilaksanakan di 38 lokasi terpilih di negeri Kelantan, Terengganu, Pahang dan Selangor.